

Headline	Al Quran panduan hidup warga ATM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,028
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,084



# Al-Quran panduan hidup warga ATM

**A**NGKATAN Tentera Malaysia (ATM) melaksanakan pendekatan holistik dengan mengadakan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat ATM 2016

bagi menyerlahkan bakat anggotanya dalam bidang pengajian Islam dan fardu ain.

Penganjuran buat kali ke-67 di Auditorium, Wisma Pertahanan, Jalan Padang

Tembak, Kuala Lumpur, baru-baru ini membuktikan ATM amat serius dalam pembangunan dan penghayatan Islam dalam kalangan warganya.

Dalam pertandingan itu,

seramai sembilan peserta mengambil bahagian mewakili perkhidmatan masing-masing iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Panglima Angkatan Tentera,

**Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin** berkata, pertandingan itu

menjadi acara tahunan ATM dan peserta terlebih dahulu dinilai di peringkat perkhidmatan masing-masing.

"Pada tahun ini, johan keseluruhan tilawah al-Quran jatuh kepada Tentera Darat yang mempunyai markah terkumpul yang tertinggi," katanya.

Penganjuran pertandingan itu, katanya, bukan sekadar

tradisi ataupun memenuhi kalendar aktiviti tahunan semata-mata, tetapi menjadi pembangkit kesedaran dan pengukuh semangat dalam menjadikan al-Quran sebagai panduan kehidupan warga ATM.

Hadiah utama majlis itu merupakan pembiayaan menunaikan fardu haji melalui kuota khas yang diperoleh dari Lembaga Tabung Haji.

Juara bagi setiap kategori

yang dipertandingkan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000, naib johan (RM3,000) dan ketiga sebanyak RM2,000. Pemenang bagi setiap kategori turut menerima piala pusingan.

Johan keseluruhan yang juga Qari Terbaik dimenangi oleh Staf Sarjan (Udara) Mohd. Rosdi Mat Zin; kedua, Koperal Farid Abd. Rasid; dan ketiga, Laskar Kanan TNL Zulkernein Mohd. Nor.

Bagi kategori Qariah terbaik dimenangi oleh Robia'hatun Adawiyah Ismail; kedua, Laskar Kanan TNL Norzaiyana Kamaludin; dan ketiga, Siti Munirah Sharifudin.

Kategori pegawai ATM pula, tempat pertama dimenangi oleh Leftenan Mohd. Arif Soef; kedua, Mejar Ir. Azizur Rahman Abdul Aziz; dan ketiga, Kapten Salha Syakila Alang Hashim.



**JUARA** qari, Mohd. Rosdi Mat Zin (kiri), Juara kategori pegawai, Mohd Arif Soef (kanan) dan Juara qariah, Rabi'atul Adawiyah Ismail menunjukkan trofi yang dimenangi dalam Tilawah Al-Quran Peringkat ATM Ke-67, baru-baru ini.



**ZULKIFELI MOHD. ZIN** (depan) bersama Panglima Tentera Darat, Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor bersalaman dengan peserta tilawah al-Quran.